

# Menggali sejarah untuk kenal diri

**PADA HEMAT SAYA MOHD RAMAN DAUD**  
raman@sph.com.sg



**S**IAPA aku? Itulah pertanyaan utama apabila seseorang ingin mengenali siapa dirinya, pesan seorang alim (yang kini sudah tiada) kepada saya suatu masa dulu.

Namun, ada pelbagai cara untuk mengenali diri sendiri.

Hubungan kita dengan Pencipta, sesama manusia tidak kira asal usul dan kepercayaan, alam dan sebagainya. Ini semua perlu dicari dan dikenali sehingga kita berasa kekosongan dalam dada telah terisi.

Hal inilah yang saya cuba temui dalam ceramah anjuran Belia Masjid Ba'alwīe beberapa minggu lalu.

Penceramahnya, Jamaal Anthony Green, 62 tahun, memang tidak asing lagi kerana menghasilkan buku *Our Journey*, yang menyingskap kisah pelayaran haji dan peranan Majlis Ugama Islam Singapura (Muis).

Rupa-rupanya buku yang sudah dilancarkan sekitar empat tahun lalu itu masih belum memuaskan hatinya.

Beliau mahu menghasilkan kajian dengan tema yang sama tetapi lebih besar dan bermakna.

Untuk itu, beliau menampilkan sejumlah peta, wawancara, gambar dan sebagainya mengenai sejarah pelayaran haji secara terusun dikendalikan sejak 1830-an sehingga khidmat kapal haji dihentikan pada awal 1970-an.

Menurut mantan ketua bahasa Inggeris di Raffles Institution itu:

"Naik haji ketika itu merupakan satu destinasi bak pelayaran terakhir. Begitulah besar ertinya kepada para jemaah rumpun Melayu dari rantau ini yang berhimpun di Singapura sebelum belayar selama berbulan-bulan ke tanah suci."

Semangat jemaah ketika itu amat luar biasa kentalnya sehingga sukar ditemukan semula hari ini, tambahnya.

Beliau menjejerkan kisah keadaan di kapal haji yang serba kekurangan.

Oleh itu, jemaah cuba membawa bekal masing-masing – daripada pakaian sehingga makanan. Mereka masak di dek kapal.

Antara jemaah itu terdapat seorang bidan yang membawa batu lesungnya sekali (seberat 10 kilogram).

Apabila jemaah wanita itu meninggal di tanah suci, batu lesung dan sebahagian peninggalannya diwariskan kepada keluarga. Memang mengharukan.

Kesukaran naik haji zaman silam bak tinggal kenangan. Kini dengan pesawat serba canggih, anda boleh bertolak dari Singapura dan tiba di Madinah atau Jeddah dalam beberapa jam saja.

Semakin canggih teknologi pesawat udara, semakin cepat kita ke sana.

Bagaimanapun, suasana di tanah suci tidak lagi seperti dulu. Kini semakin sesak dengan bangunan pencakar langit berceracak. Kos naik haji juga melambung menurut pakujanya.

Menurut Encik Green, buku tulisannya kelak menuntut kajian mendalam dan meluas.

Sebabnya jelas – banyak jemaah dan kakitangan kapal haji kini dalam usia lanjut dan bakal dijemput.

Mereka pula tidak hanya diam di Singapura bahkan di seluruh Nusantara, Britain sehingga Australia dan New Zealand.

Menjejak para pelaku pelayaran haji yang kian berusia dan bila-bila saja terpengil bak mencari akar warisan yang kian ditelan zaman. Kerjanya rumit dan kosnya tentulah besar.

Namun, usaha beliau tentulah perlu mendapat sokongan daripada umat Islam. Bak dimakalahkan oleh Cikgu Mohd Ayub Johari pada Isnin lalu mengenai perlu memartabatkan Kampong Glam sebagai warisan peradaban Melayu, kajian begini memanglah menarik.

Memang amat sedikit kajian mengenai masyarakat Melayu di Singapura. Bahkan banyak kajian dibuat oleh para penyelidik 'asing' sejak zaman penjajah sehinggalah merdeka.

Buku *Gedung Kuning* tulisan Hidayah Amin yang memang lahir di rumah bersebelahan Istana Kampong Glam memang menarik dan mengharukan penceritaannya.

Difahamkan kini Cik Hidayah bakal melanjutkan pelajaran ke Universiti Cambridge, antara menara gading Barat paling tersohor.

Antara kajiannya mengenai Kampong



**LAMBAIAN TANAH SUCI:** Pelayaran haji ibarat pelayaran hidup dan mati bagi jemaah. Gambar-gambar ini diambil daripada buku *'Our Journey'* karya Jamaal Anthony Green. – Foto fail MUIS



Glam. Diharap masyarakat kita turut menyokong kembara ilmunya dengan bekal dan doa.

Mencatatkan profil masyarakat dan sejarah merupakan pekerjaan yang mulia.

Saya pernah mencubanya ketika menjadi pengerusi bidang budaya dan masyarakat dengan Yayasan Mendaki sedekad setengah lalu.

Asalnya, projek itu mendapat sokongan Jabatan Pengajian Melayu Universiti Nasional Singapura pimpinan Profesor Shahrudin Maarof dan sejumlah ilmuwan. Usahanya dijangka mengambil masa dua tahun.

Sayangnya, projek itu tidak lepas landas. Yang tinggal hanya kenangan.

Buku-buku profil sosiosejarah seperti yang diusahakan oleh Angkatan Karyawan Islam (*Malays/Muslims in Singapore* suntingan Khoo Kay Kim dan lain-lain) akan menjadi rujukan jangka panjang – setelah kita semua tiada lagi. Inilah bekal kepada cicit dan piut kita untuk mengenali siapakah mereka kelak.

Bahkan, untuk mengetahui kelemahan kita sejak dulu, sering kita merujuk buku-buku karya Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir se-

perti *Hikayat Abdullah* dan *Pelayaran Abdullah*.

Kembali kepada sejarah bukanlah langkah berundur, tetapi memeriksa diri untuk membina masa depan.

Tiada bangsa yang dapat berbangga tanpa sejarah silam dan sejarah baru yang bakal dibinanya. Demikian menurut Arnold Toynbee (1889-1975), sejarawan British yang terkemuka.

Cakapnya sehaluan dengan pandangan Ibn Khaldun (1332-1406) yang merupakan sejarawan, ahli sosiologi dan pakar ekonomi yang mendahului zamannya.

Sejarah bak catatan kembara manusia, termasuk mereka yang menjadi jemaah haji dan berharap pada usia yang kian senja akan meninggal di tanah suci – rapat dengan Rasulullah *saw*, para sahabat dan Allah.

Namun, menurut sarjana Belanda yang sanggup lama menyamar menjadi Muslim sehingga lolos ke Makkah, Snouck Hurgronje (1857-1936), haji juga merupakan pencetus kebangkitan Islam selepas lama dunia Muslim dikuasai penjajah Eropah.

Saya hanya berharap projek Encik Jamaal Green akan dapat lepas landas.

Namun, kosnya memang tinggi – memerlukan sokongan masyarakat untuk menjayakannya.

Jika bukan kita yang tahu diri, siapa lagi?